

NEWS CLIPPING

EVENT	7-Eleven Pertama Guna Alipay
PUBLICATION	Harian Metro
PAGE/SECTION	44/Bisnes
DATE	23 May 2017
TIME	-

44 **bisnes**

23-05-2017

>> **Setakat tiga bulan pertama 2017, dagangan Malaysia ke negara OIC catat RM44.97 bilion**

HARIAN METRO



Optimis teroka pasaran asing

Matrade sasar pertumbuhan 10 peratus perdagangan dengan negara OIC

Kuala Lumpur

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), optimis untuk mencatatkan pertumbuhan 10 peratus perdagangan dengan negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) tahun ini berbanding RM45.18 bilion dicatatkan tahun lalu.

Pertumbuhan positif itu dijangka disokong prestasi harga minyak mentah dan komoditi semakam pulih serta kerjasama antara kerajaan dengan Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IDBG) bagi menggalakkan dagangan antara negara ahli pertubuhan berkenaan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Wan Latiff Wan Musa berkata, Perbadanan Islam bagi Pem-

bangunan Sektor Swasta (ICD) turut membantu mengembangkan keupayaan pembangunan perniagaan di negara ini khususnya kepada pemain perniagaan kecil dan sederhana (PKS) untuk

“OIC memainkan peranan penting bagi mengembangkan aktiviti perdagangan Malaysia dari setahun ke setahun”

Wan Latiff Wan Musa

meneroka pasaran OIC.

Beliau berkata, gabungan antara dua entiti sokongan kewangan asing itu menambah saluran syarikat berkaitan kerajaan dan PKS untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan bagi meningkatkan aktiviti meneroka pasaran asing.

“OIC yang terdiri daripada 57 negara me-

ainkan peranan penting bagi mengembangkan aktiviti perdagangan Malaysia dari setahun ke setahun. Setakat tiga bulan pertama 2017, dagangan Malaysia ke negara OIC mencatatkan RM44.97 bilion (AS\$10.44 bilion), eksport RM22.78 bilion (AS\$5.29 bilion) dan import RM22.19 bilion (AS\$5.15 bilion).

“Selain itu, Matrade juga membantu syarikat tempatan untuk melabur ke pasaran OIC dan pada 2016, pelaburan syarikat tempatan ke negara asing meningkat 23 peratus kepada RM8.8 bilion (AS\$2.05 bilion) berbanding RM7.06 bilion (AS\$1.64 bilion) pada 2015,” katanya selepas menghadiri Seminar Pehang Perniagaan Syarikat Tempatan di OIC di sini, semalam.

Manfaat 1 juta perusahaan mikro

Kuala Lumpur

Landskap pembiayaan mikro Malaysia yang berkembang daripada dipacu kerajaan kepada pembabitian cergas sektor swasta memanfaatkan tidak boleh direalisasikan sehingga kami melihat hubungan langsung kepada penambahbaikan kebijakan dalam segmen mikro dan seterusnya pertumbuhan mampan,” katanya dalam ucapan pada Simposium Kewangan Mikro Global 2017, di sini, semalam.

Beliau berkata, pembiayaan mikro menambah baik segmen masyarakat yang sebahum ini terstisih untuk mewujudkan pendapatan sendiri, mengumpul aset dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

Imbang jumlah eksport import besi, keluli

Kuala Lumpur Institut Keluli Malaysia (MSI) berhasrat mengimbangi jumlah eksport dan import besi serta keluli negara kepada masing-masing 50 peratus dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Jarrod Lim berkata, nilai import besi dan keluli negara pada masa ini lebih tinggi berbanding eksport berikutan Malaysia masih bergantung kepada besi dan keluli diimport terutama dari China.

Menurutnya, ia mampu dicapai dalam tempoh berkenaan melalui peningkatan aktiviti e-dagang dalam industri, selain pembabitian le-

bih banyak syarikat dalam projek infrastruktur kerajaan.

“Kita perlu merapatkan jurang defisit perdagangan industri ini yang mencatatkan RM16.5 bilion atau 7.52 bilion tan metrik tahun lalu bagi memastikan industri ini mampu memberi sumbangan signifikan kepada negara,” katanya kepada **“Nilai import besi dan keluli negara pada masa ini lebih tinggi berbanding eksport Jarrod Lim”**

Tahun lalu, jumlah eksport besi dan keluli negara RM10.69 bilion atau 2.1 bilion tan metrik berbanding import RM27.19 bilion atau 9.62 bilion tan metrik.

Pada masa ini, industri itu menyumbang empat peratus atau RM37.888 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) dengan Malaysia adalah pemain utama besi dan keluli di rantau ASEAN dengan penguasaan 40 peratus.

7-Eleven pertama guna Alipay

Kuala Lumpur

7-Eleven Malaysia Berhad (7-Eleven), muncul peruncit pertama di Malaysia yang menerima pembayaran secara e-dompet Alipay, sekaligus menasaskan lebih ramai pelanggan dari China akan membeli barangan di rangkaian kedai serbaneka berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Gary Brown berkata, 7-Eleven mula menerima Alipay pada 12 Mei lalu dan 94 peratus daripada 2,100 premisnya di seluruh negara menggunakan sistem berkenaan.

“Semua premis kami mula menggunakan Alipay dalam masa dua hari lagi. Di China, sistem pembayaran itu menjadi saluran beli-belah dan kami berharap ia mendapat sambutan baik memandangkan ramai pelanggan China berkunjung ke negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pe-

lancaran e-dompet mudah alih Alipay di premis 7-Eleven Bukit Bintang di sini, semalam, yang dirasmikan pengasas Berjaya Corporation, syarikat yang menjadi pemegang majoriti 7-Eleven Malaysia, Tan Sri Vincent Tan.

Brown berkata, usaha pemasangan sistem pembayaran itu tidak memerlukan modal tinggi kerana ia boleh beroperasi dengan terminal MOL sedia ada berikutan kerjasama strategik 7-Eleven dengan MOL Global Inc, penyedia teknologi khidmat pembayaran dalam premis.



7-Eleven mula menerima Alipay pada 12 Mei lalu